

Oleh yang demikian, filem ini mempunyai mesej yang tersirat iaitu mengubah fakta sejarah dan persepsi masyarakat dengan mengagung-agungkan perjuangan PKM.

Selanjutnya, pihak LPF telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengeluar filem tersebut bagi mengolah semula filem berkenaan supaya ianya tidak menggambarkan sebarang unsur-unsur sepertimana dibangkitkan di dalam aduan dan bantahan seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini.

Walau bagaimanapun, filem yang telah diolah semula didapati masih mengandungi elemen-elemen yang boleh menggugat keharmonian rakyat dan ketenteraman awam, terutamanya mengagungkan fahaman komunis secara halus. Sehubungan dengan itu, LPF tidak dapat meluluskan filem "The New Village" tersebut untuk tujuan tayangan awam di negara ini dan penerbit filem berkenaan telahpun akur dan menerima keputusan LPF itu.

Yang Berhormat Taiping juga menimbulkan soalan sama ada Kerajaan bercadang meminda *Film Censorship Act 1971*. Untuk makluman Yang Berhormat, undang-undang berkenaan penapisan filem iaitu Perintah Ordinans Filem Sinematograf (Penapisan) 1971 telahpun dikaji semula dan dimansuhkan serta digantikan dengan Akta Penapisan Filem 2002 yang mana sedang berkuatkuasa sehingga sekarang.